

178,000 penerima vaksin akan dapat AstraZeneca di WTCKL bermula Rabu
Astro Awani
05 Mei 2021
Khairunnisa Kasnoon

KUALA LUMPUR: Seramai 178,000 penerima vaksin akan mula mendapatkan suntikan dos AstraZeneca di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di World Trade Centre Kuala Lumpur (WTCKL) bermula Rabu ini.

Pengarah Eksekutif WTCKL, Datuk Seri Dr Irmohizam Ibrahim, berkata waktu operasi PPV itu pada Rabu ini adalah dari jam 8 pagi hingga 10 malam, manakala untuk hari seterusnya (8 pagi sehingga 5 petang).

"Saya mendoakan agar semuanya berjalan dengan lancar dan dipermudahkan segala urusan untuk seluruh pasukan Program Vaksin AstraZeneca," ujarnya dalam satu kenyataan malam ini.

Beliau pada masa sama mengucapkan terima kasih kepada Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Khairy Jamaluddin atas kesudian ke WTCKL bagi meninjau persiapan PPV berkenaan, malam ini.

Selain Khairy, beliau turut berterima kasih kepada MOSTI secara amnya selain Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Pasukan Pengurusan Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF) atas kerjasama dan usaha melancarkan Program Vaksin AstraZeneca di WTCKL.